



KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA

SIARAN MEDIA

**JUMPAAN RANGKA MANUSIA PRASEJARAH
DI GUA KELEDUNG KECIL LEMBAH NENGGIRI,
ULU KELANTAN, KELANTAN**

31 Mei 2023 - Pada November 2022, penyelidik dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) yang diketuai oleh Prof. Madya Dr. Zuliskandar Ramli iaitu Felo Kanan, Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA) UKM telah berjaya menemui rangka manusia prasejarah yang lengkap bersama beberapa artifak lain di Gua Keledung Kecil semasa menjalankan kerja-kerja Ekskavasi Arkeologi Menyelamat untuk Projek Hidroelektrik Nenggiri, di Lembah Nenggiri, Kelantan.

Penemuan rangka manusia prasejarah di Gua Keledung Kecil merupakan antara jumpaan penting kepada warisan arkeologi negara. Secara tidak langsung, ia dapat menyumbang kepada dapatan fakta baharu berkait amalan pengebumian dan evolusi sosio-budaya kehidupan zaman prasejarah khususnya di Lembah Nenggiri, Kelantan.

Rangka manusia tersebut berada dalam kedudukan melipat sepenuhnya dan menghadap ke arah barat daya. Kedudukan melipat sepenuhnya ini merupakan posisi yang hampir sama dengan kedudukan *fetus* dalam kandungan ibu yang sedang mengandung.

Selain itu, perkara menarik berkenaan rangka ini adalah asosiasi artifak yang berada di sekelilingnya yang berfungsi sebagai alat bekalan kubur. Tapak tangan kanan si mati memegang mineral hematit manakala tapak tangan kiri pula memegang lutut kaki kanan. Di sekeliling rangka juga terdapat alat-alat batu yang dikebumikan bersama-sama dengan si mati, antaranya batu pelandas dengan alat *grind-pounding*, kapak genggam dan alat repeh yang diperbuat daripada batu sabak serta kristal kuarza yang sering digunakan dalam ritual pengebumian masyarakat prasejarah.

Cara pengebumian rangka manusia prasejarah yang ditemui itu merupakan amalan masyarakat prasejarah yang terawal mendiami Lembah Nenggiri semenjak 14,000 tahun yang lalu. Sampel gigi dan cengkerang siput akan dihantar ke *Beta Lab* di Amerika Syarikat untuk memperoleh pentarikan kronometrik.

Sebagai langkah awal, rangka manusia prasejarah ini akan dibawa keluar dari Gua Keledung Kecil dan ditempatkan di makmal konservasi Jabatan Warisan Negara untuk kerja-kerja pemuliharaan secara menyeluruh.

Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya melalui agensinya, Jabatan Warisan Negara dengan kerjasama Kerajaan Negeri Kelantan akan memastikan penemuan ini dapat dijadikan rujukan sejarah dan warisan negara serta dapat dikongsikan juga kepada orang ramai.

Sebuah galeri mini akan dibangunkan oleh pihak Tenaga Nasional Berhad (TNB) berhampiran dengan Empangan Nenggiri bagi menempatkan segala jumpaan arkeologi di Lembah Nenggiri termasuklah rangka yang dijumpai di Gua Keledung Kecil. Kewujudan galeri tersebut pastinya akan menjadi aset/produk pelancongan berasaskan warisan dan budaya untuk menarik pelancong datang ke Lembah Nenggiri. Impaknya amat positif kepada rangkaian sektor perkhidmatan di mana limpahan ekonomi serta kemakmurannya akan dinikmati oleh rakyat tempatan secara keseluruhan.

Dikeluarkan oleh:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC)

Tel: 03-8000 8000 Fax: 03-88917181

Website: www.motac.gov.my Email: info@motac.gov.my

Facebook, Instagram & Twitter: @mymotac